

06/03/1999

Pembangkang tumpu tohmahan

Ahmad Zaini Kamaruzzaman

KEMUNCULAN Abu Bakar Elah, penyanyi yang pernah menjuarai pertandingan Sinaran Pasport Kegemilangan terbitan TV3 menerima tepukan penyokong Barisan Nasional (BN) di Dewan Masyarakat Menggatal, dekat Kota Kinabalu, malam Jumaat lalu.

Orang ramai yang menunggu ketibaan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut menyanyi, terutama apabila Abu Bakar mendendangkan lagu 31 Ogos yang pernah dipopularkan oleh Allahyarham Sudirman Haji Arshad.

Suasana meriah yang disulam dengan kibaran bendera simbol dacing di majlis Pemimpin Bersama Rakyat itu seolah-olah bertukar menjadi persembahan konsert penyanyi terkenal.

Abu Bakar, penyanyi keturunan Sungai dari Kinabatangan tampil dengan gaya potongan rambut `ala tempurung' itu menyanyikan lagu bertanding.

Persembahan nyanyian pada majlis ceramah pilihan raya di Sabah adalah suatu kebiasaan kerana ia adalah sebahagian daripada amalan dan tradisi pilihan raya sejak dulu.

Kadang-kala acara itu diambil kesempatan oleh penyanyi baru untuk menonjolkan bakat mereka. Malam itu misalnya, lebih 10 bakat baru naik ke pentas menyanyi pelbagai lagu termasuk dalam bahasa Kadazan dan Bajau, diiringi oleh pancaragam.

Kehadiran Perdana Menteri untuk membantu BN mengekalkan tampuk pemerintahan di Sabah, merencanakan lagi suasana dan kempen pilihan raya negeri kesembilan, pada 12 dan 13 Mac ini.

Semalam Dr Mahathir mengadakan pertemuan dengan guru agama, imam dan pendakwah di Wisma Muis, Kota Kinabalu sebelum ke Tuaran dan Papar pada petangnya.

Selain Dr Mahathir, pemimpin BN negeri dan Semenanjung turut sibuk membantu kempen BN Sabah. Umno Kedah yang diketuai Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid berkampung di Penampang dan Papar sejak seminggu sebelum penamaan calon, manakala Timbalan Menteri Pengangkutan Datuk Ibrahim Saad mengetuai Umno Pulau Pinang di Kudat.

Parti pembangkang, khususnya Parti Bersatu Sabah (PBS) yang diketuai Datuk Joseph Pairin Kitingan dan Bersekutu oleh Datuk Harris Salleh turut memperhebatkan kempen masing-masing.

Matlamat mereka adalah sama, iaitu menumbangkan BN bagi membolehkan parti mereka membentuk kerajaan. Seperti biasa, masing-masing berhujah dengan mendedahkan apa yang mereka dakwa sebagai kelemahan parti lawan. Tohmahan, dakwaan, fitnah, andaian dan surat layang adalah resam kempen pilihan raya kali ini.

Bagaimanapun, kempen BN tetap dengan tema pembangunan dan matlamatnya untuk membantu rakyat Sabah. Dalam perjumpaan rakyat di Menggal itu, Dr Mahathir sekali lagi memberi jaminan Kerajaan Persekutuan akan memberi kerjasama kepada BN negeri.

Bagi Perdana Menteri, kehadiran BN di Sabah adalah dengan niat baik dan serius dalam memastikan pembangunan negeri ini seiring serta setanding dengan kemajuan yang dicapai di Semenanjung. Malah, beliau mengakui ada negeri lain yang iri hati kerana perhatian istimewa yang diberikan kepada Sabah.

Kesungguhan Perdana Menteri itu tidak sukar untuk difahami. PBS yang diberi peluang oleh rakyat Sabah memerintah mulai 1985 hingga 1994 (berada dalam BN sehingga 1990) bukan saja gagal membangunkan negeri ini, malah gagal menjalin hubungan erat dengan Kerajaan Pusat seperti yang diharapkan

rakyat.

Peristiwa `tikam dari belakang' pada pilihan raya umum 1990 apabila PBS yang ketika itu berada dalam BN, menjalin kerjasama dengan parti pembangkang menerusi pembentukan Gagasan Rakyat adalah bukti nyata sikap sebenar PBS.

Kejutan oleh Pairin itu bagaimanapun tidak menjejaskan BN yang terus menguasai negara walaupun terpaksa menghadapi tentangan hebat gabungan kerjasama pembangkang yang turut membabitkan Semangat 46, Pas dan DAP.

Berdasarkan senario itu, rakyat mungkin boleh membuat pilihan pada kali ini, sama ada mahu terus mengekalkan penguasaan BN bagi menjamin kesinambungan kestabilan politik dan pembangunan negeri atau sebaliknya.

Ia penting kerana salah satu faktor membolehkan rakyat Sabah menikmati kemajuan setanding tempat lain ialah hubungan Kerajaan Negeri dan Persekutuan yang diakui sendiri oleh Pairin dan Harris dalam manifesto parti masing-masing.

Justeru, persoalan mengenai masa depan rakyat Sabah ada kaitan dengan lagu Kau Boleh dendangan Abu Bakar Elah di Menggatal. Sama ada mereka `boleh' melakukannya atau `boleh' menikmati pembangunan dan kestabilan politik yang diidamkan sejak sekian lama terserah kepada mereka untuk menentukannya.

(END)